

2 bayi dibuang dalam kotak

Harian metro 04/05/2010 MISC1

Imam terkejut jumpa bayi ditinggal depan masjid

SHARJAH: Seorang imam menemui dua bayi ditinggalkan dalam sebuah kotak di luar masjid di kawasan perindustrian Sharjah, kata polis semalam.

Seorang pegawai kanan polis berkata, bayi terbabit dipercayai berusia lima bulan dan enam minggu berada dalam keadaan sihat walaupun terbiar dalam ribut di kawasan berkenaan.

Katanya, identiti ibu bapa bayi terbabit belum diketahui.

"Imam terbabit menghubungi polis kira-kira jam 4.30 pagi," katanya.

Pegawai polis itu berkata, bayi malang berkenaan ditemui di luar masjid di Kawasan Perindustrian 4 Sharjah.



ANAK SIAPA...dua bayi yang ditemui dibuang individu tidak dikenali.

"Polis dan ambulans tiba di tempat kejadian tidak lama selepas dimaklumkan.

"Bayi itu dipindahkan ke Hospital al-Qasimi untuk

menjalani pemeriksaan dan rawatan.

"Ketika ini keadaan mereka tidak membimbangkan," katanya. - Agensi